

05 APR 1998

Samy-Tol

KADAR TOL DI LALUAN KEDUA TIDAK AKAN DIKURANGKAN, KATA SAMY

JOHOR BAHRU, 5 April (Bernama) -- Kadar tol di Laluan Kedua yang menghubungkan Tanjung Kupang di Johor dan Tuas di Singapura tidak akan dikurangkan lagi, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini.

"Saya tidak fikir ia boleh dikurangkan daripada apa yang dikutip sekarang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kuil Arulmigu Meenachi Amman di Kampung Oren, Hulu Tiram, dekat sini.

Beliau berkata Malaysia boleh mengenakan kadar percuma kepada pengguna laluan kedua, tetapi mereka tidak boleh memasuki Singapura dengan percuma.

"Rakyat Malaysia mesti faham... mereka lupa, bila mereka bayar sesuatu kepada negara sendiri mereka buat bising, tetapi bila masuk negara lain mereka tutup mulut dan bayar apa yang disuruh," katanya.

Samy Vellu berkata kadar tol percuma bukan merupakan dasar yang baik, kerana sebanyak RM1.3 bilion telah dibelanjakan untuk membina laluan itu dan apakah caranya untuk mengutip semula sejumlah wang itu, kalau tidak melalui kutipan tol.

Menurutnya, untuk tidak mengenakan tol di laluan kedua adalah tidak wajar kerana ini akan menyebabkan sektor swasta enggan menyertai projek penswastaaan kerajaan.

Singapura dan Malaysia sama-sama membina laluan kedua itu, dengan republik itu membina 0.3km daripada jambatan sepanjang dua kilometer dengan belanja S\$600 juta. Malaysia membina 1.7km lagi termasuk jalan enam lorong yang menghubungkan jambatan itu dengan lebuh raya Utara-Selatan dengan belanja RM1.2 bilion.

Kadar tol yang dikenakan untuk kereta ialah RM4.80, van dan lori kecil RM11.40, lori besar dan treler RM25.50, teksi RM4.10, bas RM6.20 dan motorsikal RM1.

Kadar tol RM1.80 turut dikenakan kepada kereta yang melintasi Plaza Tanjung Kupang, van dan lori RM3.60, lori besar dan treler RM4.50, bas RM1.80 dan teksi RM0.90.

Samy Vellu berkata kerajaan sudah mengurangkan kadar tol di laluan kedua berikutan masalah yang dibangkitkan oleh orang ramai, dan kadar baru antara 25 dan 48 peratus lebih rendah daripada yang diperuntukkan dalam perjanjian asal dengan pemaju projek itu dan pemegang hak konsesinya Linkedua (M) Sdn Bhd.

Ketika ditanya mengenai kurangnya kenderaan yang menggunakan laluan itu, beliau berkata ia tidak menjadi masalah kerana lama kelamaan ramai yang akan menggunakannya.

Menurutnya, jika sebuah lori terpaksa menunggu sehingga lima jam di Tambak Johor untuk masuk ke Singapura ini bermakna kosnya lebih daripada menggunakan laluan kedua.

"Bila kita bina Jambatan Pulau Pinang dulu, semua orang kata (kadar tol) terlalu mahal, tetapi sekarang berjuta-juta kenderaan yang melaluinya, dan begitu juga keadaannya bila kerajaan bina Lebuh raya Utara-Selatan. Jadi berapa lama nak guna Tambak Johor," katanya.

Beliau percaya perkara itu akan selesai selepas laluan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong pada 18 April ini.

-- BERNAMA

MKO RI